



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 10 /2009
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGISYTIHARAN DITEGAH MEROKOK
DI KESEMUA BANGUNAN KERAJAAN DAN TEMPAT-TEMPAT AWAM

Dalam usaha berterusan meningkatkan lagi kefahaman orang ramai tentang bahaya merokok dan kesan-kesan buruk akibat merokok termasuk peningkatan kadar penyakit kronik yang disebabkan oleh tabiat merokok, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mulai 1 September 1994 telah mengisytiharkan **semua bangunan Kementerian dan Jabatan Kerajaan** sebagai tempat "**DITEGAH MEROKOK**".

2. Bangunan-bangunan di bawah kawalan Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan yang dimaksudkan itu adalah meliputi **semua kawasan termasuklah bangunan pejabat, universiti, sekolah, masjid, surau, kantin, dewan serbaguna, hospital, makmal, pos ofis**; serta tempat-tempat awam khususnya di bawah bidangkuasa agensi-agensi yang berkenaan seperti **pasar, gerai, tamu, stesyen bas, taman rekreasi, padang permainan, stadium dan sebagainya**.

3. Dalam hubungan ini, dua Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri masing-masing berbilangan 9/1994 bertarikh 14 Rabiulawal 1415 bersamaan 22 Ogos 1994 dan 7/2004 bertarikh 19 Rabiulakhir 1425 bersamaan 8 Jun 2004 yang telah pun dikeluarkan untuk memberikan peringatan kepada semua pegawai dan kakitangan Kerajaan kepada hasrat penegahan merokok berkenaan adalah dirujuk.

4. Sebagai peringatan bersama, sukacita menarik perhatian semua Setiausaha Tetap dan Ketua Jabatan untuk mengambil langkah-langkah yang bersesuaian untuk meningkatkan lagi usaha perlaksanaan perintah tegahan berkenaan dan memastikan penguatkuasaannya dipatuhi.

Sekian disampaikan untuk makluman dan tindakan yang bersesuaian mengenainya.

Dengan hormat,

[AWANG SA BALI BIN ABAS]

Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA 1000
Negara Brunei Darussalam

Rujukan : (10) JPM/SK/2009

Tarikh : 20 Syaaban 1430 / 11 Ogos 2009